

Sidang Komanwe

BH
18 OCT 1985

untuk berehat,

bukan tempat

kata Mahathir

SAYA sungguh gembira kerana berada di sebuah negara Caribbean yang indah. Komanwel memang bijak memilih Bahamas sebagai tuan rumah untuk persidangan kali ini. Bagi pihak perwakilan Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Bahamas, khususnya Yang Berhormat Perdana Menteri di atas sambutan dan layanan yang diberikan kepada kami.

Walaupun saya tidak memandang tinggi terhadap Komanwel, suasana yang indah dan layanan yang istimewa ini amatlah menyenangkan. Bagaimanapun, agenda yang disediakan oleh Setiausaha Agung Komanwel dan suasana antarabangsa sekarang, memaksa kita menghadapi kenyataan, iaitu kenyataan yang jauh berbeza dengan apa yang dapat kita saksikan di syurga dunia ini.

Biarkan saya bercakap ringkas dan bertelus terang. Pertama mengenai Komanwel. Ia bukan lagi pertubuhan yang sama ketika ia ditubuhkan. Ia bukan lagi sebuah kelab untuk negara-negara yang diasaskan oleh pendaatang dari Eropah. Ia adalah sebuah gabungan negara-negara yang pernah dijajah, yang dipujuk menyertai Komanwel dengan janji-janji bahawa mereka akan mendapat manfaat daripadanya.

Tetapi apa yang terjadi ialah Komanwel didapati gagal memenuhi janjinya itu. Jika Komanwel hendak dikekalkan, ia mestilah mencapai keputusan yang jelas dan bermakna untuk anggotanya. Maksud pertubuhan itu sendiri, '*Common wealth*' atau 'harta bersama' mestilah diperaktikkan, terutamanya untuk negara anggota yang miskin.

Melalui pengalaman dalam Komanwel, Malaysia tidak begitu yakin dengan pertubuhan itu. Malah kemesraan yang kita nikmati ketika menganggotai pertubuhan ini semakin pudar, bersama-sama peredaran masa dan keadaan. Bagaimanapun, kami tidak memusuhi kebanyakan negara anggota yang mempunyai hubungan dua hala yang baik dengan Malaysia. Tetapi, ingin saya jelaskan, sama ada perhubungan antara kami dengan negara-negara berkenaan baik, buruk atau tidak sehaluan, perhubungan itu tetap wujud, walaupun tanpa Komanwel.

Satu-satunya tindakan Komanwel yang kita benci ialah apabila ia menyingkir Afrika Selatan. Saya akan perkatakan beberapa perkara lagi mengenai Afrika Selatan kemudian, memandangkan pada pandangan kami, inilah perkara penting dalam persidangan ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bercakap mengenai beberapa masa-

lah yang dihadapi oleh dunia hari ini, terutama kesannya ke atas negara-negara membangun seperti Malaysia.

Nampaknya, prinsip keadilan dan kejujuran telah banyak berubah. Penentu sikap kebanyakan negara di dunia sekarang ialah kekuatan — kekuatan ekonomi, kekuatan politik dan sudah tentunya kekuatan ketenteraan. Hari ini kita melihat negara-negara yang kuat bersorak menyokong kelakuan buruk beberapa negara seperti Israel.

Kita menentang sebarang keganasan antarabangsa, sama ada dilakukan oleh individu atau pertubuhan, atas apa jua alasan sekalipun. Jika ada mana-mana pentadbiran rasional yang merestui keganasan mana-mana kerajaan, bermakna ia mengepikan keseluruhan maruah antarabangsa.

Tuntutan mutlak

Kita melihat ekonomi negara-negara miskin dimusnahkan oleh dasar ekonomi negara-negara kaya dan berkuasa. Kita juga dapat saksikan bagaimana negara-negara itu, menggunakan tekanan pengaruhnya ke atas negara-negara pelanggannya supaya menolak tuntutan mutlak seperti hak ke atas Antartika. Kita juga menyaksikan bagaimana negara-negara yang kuat itu menduduki secara paksa negara jirannya, dengan alasan menjaga keselamatan mereka.

Yang lemah terpaksa mengalah kerana mereka tiada pilihan lain. Diplomasi 'kapal perang' nampaknya masih terus hidup, malah ia semakin menakutkan. Inilah dunia yang negara-negara membangun terpaksa berjuang untuk menentukan masa depan mereka. Mereka boleh bersatu untuk mencari jaminan keselamatan mengikut pengundian. Tetapi anggapan bahawa cara itu berkesan adalah meleset, kerana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga dibela-kangi dan tidak diendahkan oleh kuasa-kuasa besar dan kaya.

Malaysia bergantung kepada perdagangan, seperti juga kebanyakan negara membangun yang lain. Kita hanya mampu menghasilkan bahan utama dengan harapan menjualnya untuk mendapatkan barangan siap yang kita perlukan. Tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga bahan utama jatuh dengan teruknya. Malahan, ada kalanya, harga bahan itu lebih rendah daripada kos pengeluaran.

Mengapa terjadi begini? Pertamanya, negara-negara maju bersaing mengeluarkan bahan itu dengan memberi subsidi dan mengeluarkannya berlebihan. Kemudian mereka menentukan harga bahan ini di pa-

Ucapan Penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Bahamas, semalam.

saran barangan di negara masing-masing yang keahliannya terhad di kalangan mereka. Sekiranya ada tanda-tanda menunjukkan rakan mereka mengalami kerugian, mereka tukar peraturan. Mereka sanggup menyebarkan khabar angin untuk mempengaruhi harga bahan itu. Dalam hal ini, akhbar Barat turut membantu dan bersubahat dengan mereka.

Bagaimanapun, keadaan seperti ini tidak berlaku dalam pemasaran pelbagai barangan siap mereka di negara-negara membangun yang miskin. Tidak ada sebarang pertukaran untuk barangan itu. Harganya ditentukan sendiri. Sama ada harga bahan mentah naik atau turun, harga barangan mereka sentiasa meningkat. Dengan itu negara-negara membangun yang miskin terpaksa menjual lebih banyak bahan utama mereka bagi membeli barangan siap yang semakin sedikit.

Beberapa negara membangun mencuba bidang perindustrian dan mengeksportnya. Tetapi dasar perlindungan di kebanyakan negara kaya menghentikan itu semua. Malahan apabila mereka cuba memasuki pasaran negara membangun yang lain, mereka dapati mereka terpaksa bersaing dengan kemudahan kredit dan kekuatan ekonomi dan politik yang dikenakan oleh negara maju.

Keadaan ekonomi yang buruk sekarang berpunca daripada manusia sendiri, dan ia tidak hanya dimulakan oleh negara-negara pengeluar minyak. Sebenarnya, penyalahgunaan kewangan oleh negara maju, perbelanjaan yang besar untuk ketenteraan, dasar perlindungan mereka, pengeluaran berlebihan pelbagai bahan komoditi dan cara perdagangan mereka yang menyebabkan kemerosotan ekonomi dunia sekarang.

Oleh kerana masalah itu berpunca daripada manusia, hanya manusia sahaja yang dapat mengatasinya. Kita tahu dengan jelas bagaimana ekonomi dunia dapat diperbaiki. Tetapi jika kuasa gergasi dunia tidak bersedia untuk bertindak, maka selagi itulah langkah negara membangun tidak membawa sebarang makna. Harga minyak terlalu rendah sekarang, seperti juga harga komoditi yang lain. Bagaimana baik sekali pun kedudukan harga itu, negara maju tetap mencari keburukannya.

Berbalik kepada masalah Afrika Selatan. Tidak ada kerajaan di dunia seperti rejim Afrika Selatan. Rejim yang paling rendah martabatnya. Ia menghalalkan apa yang haram dari segi moral. Di negara itu, rakyat minoriti menjadi majoriti dan perhambaan adalah kebebasan. Seperti Israel, mereka tidak menghormati norma antarabangsa. Tidak ada sempadan untuk kekejaman perkauman di Afrika Selatan.

Rejim kulit putih ini masih terus kekal hingga kini. Mengapa ia masih terus hidup? Ia terus hidup kerana mereka yang begitu gemar mengkritik dan membuat tuduhan mengenai perkauman di negara-negara membangun tidak pula sanggup berbuat sesuatu terhadap regim perkauman yang paling kejam di dunia.

Malaysia tidak berdagang dengan Afrika Selatan dan dengan berbuat demikian kami kerugian hasil yang banyak. Tetapi, bagi negara-negara yang mampu mengenakan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan, mengadakan pelbagai alasan mengapa mereka tidak mengenakan sekatan itu. Mereka sanggup mengenakan sekatan import ke atas barangan negara-negara miskin sehingga menyebabkan ramai rakyat negara itu menderita, tetapi tidak sanggup berbuat

'Tidak ada kerajaan di dunia seperti rejim Afrika Selatan. Rejim yang paling rendah martabatnya. Ia menghalalkan apa yang haram dari segi moral.'

demikian terhadap Afrika Selatan. Alasan-nya, rakyat kulit hitam akan menderita.

Tetapi, hakikatnya sekarang rakyat kulit hitam sudah pun menderita. Pemulihan selalunya menyakitkan. Saya tahu kerana saya seorang doktor. Tetapi lebih baik menanggung sakit seketika, daripada menderita berterusan. Jika sekatan ekonomi boleh menghancurkan dasar hina seperti apartheid, maka sekatan itu mesti dilakukan, terutama oleh negara yang mempunyai pengaruh ekonomi, supaya dasar itu benar-benar terhapus. Kegagalan negara tertentu melaksanakan sekatan itu menunjukkan sikap berpura-pura mereka dan menjejaskan Komanwel.

Akhirnya, mengenai Namibia. Sudah cukup buruk membiarkan rejim Afrika Selatan menjadi pemegang amanah kepada negara yang malang ini. Kini rakyat Namibia juga dihukum atas tuduhan jenayah yang dilakukan oleh negara lain. Mengapa Namibia terpaksa menghadapi semua itu hanya kerana tentera Cuba berada di Angola?

Ini hanya sebahagian daripada masalah dan cabaran yang dihadapi oleh dunia hari ini. Jika persidangan Komanwel ini tidak mahu dijadikan sebagai tempat berehat daripada masalah yang kita hadapi di negara masing-masing, ia mesti berbuat sesuatu mengenai masalah-masalah ini. Sekurang-kurangnya, Komanwel mestilah bersetuju mengenai langkah yang patut diambil ke atas Afrika Selatan. Ia mesti menyumbang secara positif terhadap memulihkan ekonomi dunia. Ia juga mesti berusaha menghapuskan apa jua bentuk diskriminasi kaum dan warna kulit.

Jika Komanwel enggan berbuat sesuatu dengan tegas, maka kelab ini patut berhenti dari berpura-pura. Ia hendaklah mengaku bahawa ia memang tidak mampu menyumbang ke arah penyelesaian pelbagai masalah yang dihadapi oleh negara-negara anggota, jika pun tidak masalah dunia. Dengan itu, kita boleh berehat dan bergembira dengan perjumpaan kita ini.